

# 7,000 Bungkus Bubur Lambuk Diedar Philea Resort & Spa Teruskan Tradisi Sempena Ramadan

Oleh **MISROM MATLEHAM**

**AYER KEROH**, 11 Julai—Setiap kali ketibaan bulan Ramadan, Philea Resort & Spa terus melakukan tanggungjawab sosial korporatnya (CSR) dengan mengedarkan sebanyak 7,000 bungkus bubur lambuk secara percuma kepada orang ramai serta badan-badan pertubuhan bukan-Kerajaan.

Pengarah Pemasaran dan Komunikasi Philea

Resort & Spa, Connie Chin berkata, program pemberian bubur lambuk secara percuma itu telah menjadi tradisi tahunan pihak pengurusan resort berkenaan sejak tiga tahun lalu.

"Ini merupakan kali keempat kami menganjurkan program tersebut yang menjadi sebahagian dari CSR kami setiap kali bulan Ramadan," ujarnya.

Beliau berkata demikian selepas majlis pengagihan bubur lambuk yang disempurnakan oleh Timbalan Exco Pelancongan, Pembangunan Pantai, Sungai dan Pulau-Pulau, Datuk Ghazale Mohamad di pintu masuk Philea Resort & Spa berhampiran Plaza Tol Ayer Keroh, kelmarin.

Turut hadir Pengarah Kewangan Philea Resort & Spa, Lim Beng Weh; Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan (BPP), Abd Kadir Md Idris.

Pada majlis itu sebanyak 7,000 bungkus bubur lambuk diagihkan secara percuma kepada orang ramai yang keluar masuk ke Melaka melalui Plaza Tol Ayer Keroh.



Ghazale dan Lim Beng Heng mengedarkan bubur lambuk kepada orang ramai



Ghazale dan Lim Beng Heng (kanan) bersama kakitangan Philea Resort & Spa mengacau bubur lambuk



Kakitangan Philea Resort & Spa bergotong-royong membungkus bubur lambuk



Kakitangan Philea Resort & Spa memberikan bubur lambuk kepada seorang penunggang motosikal